

'Kritikan terhadap Abdullah, kita bersekali dengan Mahathir'



KALAU tidak lantang, ia bukan Pemuda. Begitulah persepsi DATUK HUSAM MUSA, Naib Presiden PAS apabila diajukan persoalan mengenai sikap Dewan Pemuda PAS yang lantang mengkritik kepimpinan parti pada muktamar lalu. Tanggapan itu menjelaskan, Husam memberi *signal* kepada pemuda agar terus berperanan seperti hari ini tanpa merasa segan silu demi kebalkan dan memperkasakan PAS. Dalam menghuraikan mengenai tindakan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang galak mengkritik kepimpinan Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi kebelakangan ini, Husam seakan bersetuju dengan langkah Mahathir itu. Ini kerana beberapa persoalan yang ditimbulkan Mahathir yang ada kaitan dengan rakyat tidak dijawab dengan jelas oleh Abdullah. Lantaran itu menurut Exco kanan Kerajaan Kelantan itu, PAS mengambil sikap 'bersekali' dengan Mahathir dalam memperjuangkan isu-isu berkaitan dengan kepentingan rakyat meskipun kurang disenangi Abdullah. Ikutilah wawancara MOHD SAYUTI OMAR dan SALMIYAH HARUN sepenuhnya dengan Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancang Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Masyarakat yang dirakam menerusi telefon lewat petang semalam (20 Jun).

SIASAH: Kritikan daripada Tun Mahathir kepada Abdullah Badawi nampaknya dari sehari ke sehari semakin hebat. Apakah sebenarnya yang menjadi puncanya kritikan itu. Dalam situasi ini di manakah pendirian PAS?

DATUK HUSAM MUSA: Kita melihat bahawa Tun Mahathir telah berusaha melaksanakan ataupun memberikan kritikan beliau melalui beberapa saluran yang tersusun ataupun tertib. Beliau telah menulis surat kepada pemimpin-pemimpin kerajaan, beliau secara tidak langsung memberikan sindiran-sindiran kepada pemimpin-pemimpin kerajaan, Beliau telah memberikan nasihat-nasihat kepada kerajaan. Kesemua saluran yang tertib ini telah dibuat beliau nampaknya dipandang remeh oleh kerajaan. Dalam sesetengah keadaan kerajaan berlembah-lembah memberikan jawapan kepada surat-surat yang dikirimkan Tun Mahathir. Tidak nampak pemimpin-pemimpin kerajaan memberi ruang untuk Tun Mahathir memberikan penjelasan lebih terperinci, sehingga memaksa Tun Mahathir menggunakan saluran-saluran lebih terbuka.

Ada beberapa perkara pokok yang telah diakui oleh kerajaan daripada kritikan Tun Mahathir. Timbalan Perdana Menteri di Jepun baru-baru ini, beberapa hari yang lalu telah mengakui perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Jepun adalah berat sebelah dan perlu dikaji semula. Ini adalah satu pengakuan mengenai kelemahan kerajaan yang sangat ketara, kerana kesan FTA ini kepada kedudukan ekonomi Malaysia adalah sangat besar, tetapi perjanjian ini sudah pun ditandatangani.

Kalau hendak dibetulkan semula melibatkan beberapa pihak termasuk juga Tun Mahathir yang menyatakan kritikan terbuka terhadap perjanjian berat sebelah itu. Ini bermakna kalau Tun Mahathir tidak menyuarakan kritiknya walaupun PAS memberikan kenyataan akhbar, tetapi tidak membawa impak atau kesan sebesar yang dibawa oleh Tun Mahathir. Ternyata kritikan Tun Mahathir dalam hal ini adalah benar, dan manfaat bagi rakyat Malaysia. Ternyata kerajaan yang dipimpin oleh Abdullah Badawi adalah lemah.

Dalam kes kegagalan pembinaan jambatan yang menghubungkan Malaysia dan Singapura, sekarang kita sudah didedahkan dengan beban kos kewangan yang begitu besar oleh pengerusi PAC, sehingga boleh mencecah RM740 juta sampai kepada RM1.12 billion (RM1,120 juta). Kos yang terpaksa ditanggung kerana pembatalan jambatan. Maknanya wang habis tetapi jambatannya tidak ada. Ini bermakna kerajaan yang ada begitu lemah sekali, yang tidak mampu mentadbir Malaysia, hilang untuk kelayakan mentadbir negara ini.

Adakah kerajaan lemah ini tidak boleh ditegur oleh orang seperti itu? Yang hanya mementingkan pengurusan yang profesional, keputusan yang matang, dan pertimbangan yang cekap. Ini adalah sifat semula jadi Tun Mahathir. Beliau tidak boleh menerima pengurusan ala kadar, ataupun pengurusan lepas tangan, umpama 'melepas batu di tangga', yang menjadi ciri utama kerajaan Malaysia pada hari ini.

Kemudian apabila Tun mengkritik penjualan syarikat motosikal Mv Agusta, penjelasan yang telus tidak datang sampai ke hari ini, walaupun Proton telah mengeluarkan penjelasan tetapi beberapa soalan asal mengapa dijual sebanyak 1 Euro, mengapa syarikat tersebut yang didaftarkan dengan modal 2 Euro dipilih untuk membeli Syarikat Mv Agusta yang dijual oleh Proton. Tidak dijawab sampai hari ini.

Bermakna Abdullah atau Kerajaan Malaysia yang ada tidak mengamalkan ketelusan dan ada sesuatu yang merugikan kepentingan negara yang dilakukan oleh kerajaan atas sebab-sebab yang kita tidak ketahui.

Begitu juga dengan isu pengeluaran Permit Import (AP) yang berleluasa kepada orang tertentu semata-mata, yang telah dijanjikan untuk dibetulkan oleh Perdana Menteri. Sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Abdullah Badawi sendiri dan selepas jawatankuasa ini bersidang dan kajian dibuat dan amalan itu diteruskan.

Ada dua kritikan yang pertama; pengeluaran AP kepada beberapa syarikat tertentu secara besar-besaran lebih bersifat kronisme daripada kepentingan keseluruhan Malaysia. Kedua; pengeluaran AP secara besar-besaran tersebut boleh menjejaskan kedudukan Proton sebagaimana yang dibangkitkan oleh Tun Mahathir. Kerajaan Malaysia nampaknya tidak sensitif dengan isu ini atas sebab-sebab kepentingan tertentu, lebih daripada kepentingan keseluruhan automobil di Malaysia sendiri.

Jadi dalam situasi seperti ini, orang seperti Tun Mahathir mesti berani dan sanggup mengeluarkan kritikan mereka dan sekarang ini bukan masalah jawapan yang diperlukan, jawapan boleh direka, jawapan boleh diubah suai, jawapan boleh diperindahkan di atas kertas, tetapi hakikatnya kerajaan hari ini sudah berjalan di atas landasan yang salah, adalah satu perkara yang hendak dibetulkan dengan tindakan bukan dengan jawapan di atas kertas. Inilah yang diperlukan dan diharapkan oleh Tun Mahathir dan juga oleh rakyat.

Apakah tindakan Tun Mahathir selain hendak memperbetulkan Abdullah Badawi, dari segi politiknya beliau mempunyai motif lain di sebaliknya.



INTISARI

- Perjanjian FTA dengan Jepun ternyata berat sebelah, ini diakui sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.
- Persoalan Dr Mahathir mengenai penjualan Syarikat Mv Agusta dengan 1 Euro kepada syarikat bernilai 2 Euro tidak dijawab.
- Abdullah rasa kedudukannya tergugat sebab sudah lari dari asas-asas kerajaan yang berkhidmat dengan cekap dan amanah.

Ini adalah isi hati orang, kita tidak tahu apa, mungkin ada agenda lain. Tetapi kalau kerajaan Malaysia berjalan di atas landasan yang betul tidak ada sebab bagi Tun Mahathir, jika sekiranya Mahathir mempunyai agenda iain selain kritikan. Dan kerajaan pun tidak akan bimbang. Kebelakangan ini kerajaan cuba mendapatkan sokongan melalui perjumpaan parti Barisan Nasional dan Umno, perhimpunan rakyat dan sebagainya. Pada pendapat saya, itu semua tanda bahawa kerajaan yang ada sekarang terumbang-ambing. Abdullah merasakan kedudukannya tergugat kerana beliau sudah lari daripada asas-asas kerajaan yang berkhidmat dengan cekap dan amanah termasuk dalam isu yang membabitkan beliau sendiri, seperti dalam pemberian kontrak-kontrak kepada syarikat yang dimiliki anaknya atau menantu beliau. Kebetulan pula ada hubungan dengan pihak-pihak luar dari negara kita. Ini semua mencemarkan atau menggugat kredibiliti Abdullah selaku Perdana Menteri. Kita amat dukacita dalam masa singkat iaitu dua tahun sahaja, kita sudah menjurus kepada pentadbiran yang menitikberatkan kepada kepentingan kuasa dalam negara kita, pada masa yang sama rakyat berjimat cermat seperti berkerja di syarikat Petronas, Telekom, MAS, dan syarikat GLC yang lain diberi tawaran berhenti secara sukarela. Kalau dilihat dalam konsep kemelayuan, sebahagian besar daripada pegawai dan kakitangan ini adalah orang-orang

Melayu yang akan kehilangan tempat di dalam syarikat tadi.

Dalam konteks penjualan semula MAS kepada Air Asia yang kononnya diberikan kerana Air Asia adalah sebuah syarikat bumiputera, rakyat tidak dapat melihat justifikasi daripada alasan tersebut. Ini semua berlaku dengan begitu pantas dibawah pentadbiran Abdullah.

Oleh kerana itu kita memerlukan seorang pengkritik yang berani dan tajam. Pengkritik Tun Mahathir supaya dapat menyekat amalan ini daripada berterusan yang akhirnya akan merugikan negara dan rakyat jelata.

Mungkinkah dengan suasana yang berlaku sekarang ini ada niat Tun Mahathir untuk kembali aktif dalam Umno khususnya menerajui Umno kerana kurang keyakinan beliau kepada kepimpinan Abdullah pada hari ini?

Saya tidak fikir sampai ke tahap itu, Tun Mahathir ikhlas ingin membetulkan keadaan sebagai seorang bapa kepada Umno sendiri. Dia wajib menyokong Umno sebagai anaknya, dan Umno juga terbuka apabila menerima kritikan daripada seorang bapa, dan tidak ada sebab bagi perkara-perkara disebutkan itu dibetulkan oleh Abdullah dalam masa yang singkat ini. Termasuk mengenyepikan keperitan hidup rakyat dengan kenaikan harga minyak. Abdullah kena ingat dia naik bukan dengan